

SOALAN NO.: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa]

TARIKH : 3 April 2018

SOALAN : 20

Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah doktor pakar hospital Kerajaan yang semakin ramai meletakkan jawatan kerana jurang pendapatan jauh berbeza dengan sektor swasta.

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan Pegawai Perubatan Pakar supaya terus kekal berkhidmat di hospital Kerajaan. Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia juga sentiasa mempergiatkan usaha dalam merapatkan jurang pendapatan Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat di sektor swasta dengan sektor awam. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Mbenarkan Pegawai Perubatan Pakar Gred UD54 dan ke atas yang telah diwartakan sekurang-kurangnya 4 tahun serta memenuhi syarat-syarat tertentu diberi kelonggaran satu (1) hari seminggu dalam tempoh waktu bekerja rasmi untuk melaksanakan Waktu Kerja Fleksi berkuat kuasa 1 Januari 2018 seperti mana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2018;
- ii. Mbenarkan Pegawai Perubatan Pakar membuat lokum di hospital swasta dengan syarat-syarat tertentu;
- iii. Pegawai Perubatan Pakar yang melakukan kes-kes Pembedahan pada hari cuti hujung minggu untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif akan diberi elauan sebanyak RM200 sejam;
- iv. Memperkenalkan *Full Paying Patient* (FPP) (dengan izin) di Hospital KKM di mana Pegawai Perubatan Pakar boleh menjana sumber pendapatan tambahan dengan menawarkan perkhidmatan kepada pesakit yang berkemampuan untuk membayar kos penuh perubatan di hospital yang melaksanakan FPP.
- v. Kenaikan pangkat Pegawai Perubatan Pakar lebih cepat mengikut tempoh Pakar tersebut berkhidmat di KKM (*time based promotion*) (dengan izin) mulai 9 Mac 2010. Bagi kenaikan pangkat Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan yang telah diwartakan sebagai Pakar dan telah berkhidmat selama 9 tahun, mereka boleh dipertimbangkan ke Gred UD54;

- vi. Menambahbaik peluang kenaikan pangkat Pakar Perubatan dengan mewujudkan Gred Pakar UD56. Antara kriteria yang perlu dipenuhi untuk kenaikan pangkat ini ialah pegawai telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan dan berada atas Gred UD54 bagi tempoh tidak kurang daripada 5 tahun;
- vii. Memberi peluang kepada Pegawai Perubatan Pakar melanjutkan pelajaran dalam bidang sub kepakaran;
- viii. Menambahbaik Bayaran Insentif Pakar daripada lingkungan RM1,400.00 hingga RM2,400.00 kepada lingkungan RM1,900 kepada RM3,100.00 mulai 1 Januari 2009. Peningkatannya adalah sebanyak RM500.00 hingga RM700.00;
- ix. Menambahbaik kadar bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*On-call*) (*EKLWBB*) (*Active Call*) (dengan izin) bagi Pegawai Perubatan Pakar iaitu RM230 pada hari bekerja dan RM250 pada hari cuti mingguan dan cuti am; dan
- x. Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa 1 Julai 2016. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 3 APRIL 2018 (SELASA)

SOALAN : 21

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat inisiatif untuk mengkaji semula jadual perjalanan feri Pulau Pinang agar selaras dengan jadual perkhidmatan tren elektrik atau ETS di Stesen Kereta Api Butterworth. Jelaskan model penambahbaikan perkhidmatan feri menggunakan konsep Pembangunan Integrasi Berasaskan Pengangkutan (ITOD) sebagaimana dicadangkan sebelum ini termasuk jumlah kos yang bakal terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Pelan Perancangan Pembangunan Feri Pulau Pinang, pihak Prasarana telahpun membuat penyelarasan terhadap jadual perkhidmatan tren elektrik atau ETS di Stesen Kereta Api Butterworth bagi memudahkan orang ramai menggunakan Feri Pulau Pinang. Syarikat Prasarana juga bercadang untuk melaksanakan operasi perkhidmatan feri penumpang dengan kekerapan di antara 15 hingga 30 minit. Kekerapan ini dijangka dapat menepati jadual tren ETS dan perkhidmatan bas yang disediakan di Butterworth bermula jam 5.20 pagi sehingga 12.10 pagi dan di Pulau Pinang bermula jam 5.40 pagi sehingga 12.40 pagi.

Prasarana telah mencadangkan model penambahbaikan perkhidmatan feri yang dikenali sebagai konsep *Integrated Transport Orientation Development* (ITOD) atau Pembangunan Integrasi Berasaskan Pengangkutan di Pulau Pinang. Ini adalah memandangkan perkhidmatan feri merupakan salah satu *mode* di dalam rangkaian pengangkutan awam Pulau Pinang dan Kerajaan telah meminta Prasarana turut mengambil kira keperluan penumpang yang ingin menggunakan perkhidmatan bas dan ETS di Butterworth. Dengan model pengangkutan ini, ia akan mewujudkan *seamless connectivity* dan rangkaian pengangkutan bersepadu diantara mod-mod pengangkutan awam di Pulau Pinang bagi membolehkan pengguna merancang perjalanan mereka.

Dalam pada itu, Prasarana dianggarkan akan memperuntukkan sebanyak RM117 juta untuk tujuan menaiktaraf fasiliti perkhidmatan Feri Pulau Pinang dan pembelian feri-feri baru.